

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semamata Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PUSAT
SERENTI KAMPUNG SELAMAT, TASEK
GELUGOR PULAU PINANG**

**OLEH
ZAITUN BINTI SULAIMAN
SARJANA MUDA SAINS POLISI AWAM DAN
SEKITARAN**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengajian Am
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)
2002

1100033037

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Syukur alhamdulillah ke hadrat ilahi, selama lebih kurang 3 bulan masa diambil bagi menjalani latihan industri dan lebih kurang 2 bulan mengambil masa untuk menyiapkan laporan ini akhirnya satu Laporan Latihan Industri ini dapat juga dihasilkan.

Buat tatapan semua, di sini ingin saya merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana membenarkan kami pelajar sulungnya menjalani Latihan Industri yang diadakan selama 12 minggu ini. Begitu juga dengan pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang banyak memberi maklumat dan input-input yang bermakna berkaitan dengan persediaan untuk menjalani latihan ini.

Buat Encik Zakaria Bin Mat selaku penyelia industri, terima kasih diucapkan di atas kebenaran untuk menjalani Latihan Praktikal ini. Sekalung penghargaan buat insan yang banyak berkorban dalam menjayakan latihan ini iaitu Penyelaras Program Polisi Awam, Dr Wan Ibrahim bin Wan Ahmad kerana sudi mengorbankan masa untuk menguruskan Latihan Industri ini. Segala kesulitan yang pernah dihadapi akhirnya dapat juga diselesaikan walau pun dalam tempoh masa yang singkat.

Di hati ini juga tidak pernah melupakan jasa baik yang diberikan oleh pihak Pusat Serenti Kampung Selamat, Tasek Gelugor di atas kesudian menerima saya sebagai sebahagian penghuni sementara di pusat ini. Kepada Tuan Komandan PSKS, Timbalan Penguasa Zainol bin Ahmad, terima kasih di atas segala jasa baik tuan. Bantuan yang diberikan dan keramahan yang ditonjolkan oleh tuan tidak membuatkan saya berasa terpinggir.

Begitu juga dengan semua kakitangan-kakitangan PSKS yang banyak memberi tunjuk ajar di dalam menjalankan tugas-tugas harian walau pun hanya sekadar membantu sahaja. Tidak dilupakan buat urusetia-urusetia iaitu Cik Azlina dan Encik Wan Azmi, yang menjadi tulang belakang utama dalam menjayakan Latihan Praktikal ini agar dapat dilaksanakan dengan sempurna. Tanpa anda tidak mungkin saya dan rakan-rakan dapat menjalani latihan praktikal ini dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Kepada teman-teman seperjuangan, iaitu teman-teman dari Polisi Awam, Distributif dan Kaunseling (tahun 3), di atas kesudian berkongsi maklumat, pendapat, nasihat dan idea-idea di dalam menyiapkan laporan Latihan Praktikal ini. Terima kasih di atas kerjasama yang diberikan.

Buat keluarga yang juga banyak memberi sokongan dan bantuan. Harapan saya agar, apa yang dihasilkan ini dapat dikongsi bersama

sebagai salah satu bahan ilmiah yang mungkin dapat memberi serba sedikit maklumat. Segala kekurangan dan kesilapan-kesilapan yang tidak disengajakan, maaf dipinta. Hanya ini yang temampu dihasilkan. Namun penghasilan laporan ini tidak sama dengan pengalaman yang diperolehi.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

PERAKUAN

Saya Zaitun Binti Sulaiman (UK 4303) pelajar dari Program Sarjana Muda Sains polisi Awam dan Sekitaran, dengan ikhlasnya mengakui bahawa telah menjalani Latihan Industri di Pusat Serenti Kampung selamat, Tasek Gelugor, Pulau Pinang dari 4 Mac 2002 hingga 24 Mei 2002 bagi memenuhi syarat kod kursus SOS 4999. Dengan ini saya mengesahkan bahawa Laporan Industri adalah benar dan ia merupakan hasil nukilan saya sendiri.

Disediakan

(Zaitun binti Sulaiman)

Sarjana Muda Sains Polisi awam dan Sekitaran

Disahkan

Penyelia Latihan Industri

(Zakaria bin Mat)

ISI KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan	ii- iv
Perakuan	v
Abstrak	viii-ix
Bab 1: Latar Belakang Organisasi/ Syarikat	
a. i. Sejarah Ringkas Organisasi	1-2
ii. Objektif PSKS	3
iii. Strategi PSKS	3
iv. Senarai Tugas dan Pembahagian Kerja Unit-Unit di PSKS	3-5
b. Carta Organisasi	6
c. Aktiviti Organisasi	7-12
d. Kemahiran yang ingin dipelajari – panduan arah tuju laporan dibuat atau matlamat yang ingin dicapai dalam Latihan Industri	13 – 18
Bab 2 : Pengenalpastian Masalah dan Cadangan Penyelesaian	
a. Penemuan-Penemuan yang diperolehi	
i. Mengesan sistem sedia ada	19-25
ii. Mengenalpasti masalah	26-34
b. Rumusan Analisis dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan	

i. Rumusan Analisis dan perbincangan	34-40
ii. Cadangan penyelesaian	40-46
iii. Pelaksanaan cadangan dan implikasi	46-52
Penutup	53-54
Rujukan	55
Lampiran	

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

ABSTRAK

Penubuhan Pusat serenti Kampung Selamat, Tasek Gelugor adalah salah sebuah pusat yang berperanan untuk memulihkan dan merawat penagih dadah. Ia mula beroperasi secara sepenuhnya pada tahun 1995. Dalam tempoh masa selama tiga bulan saya menjalani praktikal di sana terdapat beberapa pengenalpastian masalah yang dapat dikenalpasti. Di sini terdapat beberapa pengenalpastian masalah yang dapat ditemui.

Dalam laporan ini, tumpuan yang diberikan adalah kepada kemahiran-kemahiran yang diperolehi di samping membuat pengenalpastian dalam sebarang bentuk permasalahan yang dapat dikesan di Pusat Serenti ini. Hasilnya terdapat tujuh sistem sedia ada yang dapat ditemui.

Sementara itu dalam pengenalpastian masalah sebanyak sembilan masalah yang dapat ditemui. Begitu juga dengan penyelesaiannya. Untuk proses penyelesaian ini, pemerhatian dibuat dengan mengambilkira kesesuaiannya yang dapat diterima oleh kakitangan dan juga kepada penghuni.

Dalam pada itu juga, laporan ini turut mengemukakan kewajaran polisi yang dibentuk terutamanya bagi setiap sistem yang dilaksanakan di pusat ini. Polisi yang ada juga turut digubal bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem yang sedia ada dapat dijalankan dengan sebaik mungkin. Polisi yang

BAB 1: Latar Belakang

diambil ialah polisi yang berkaitan dengan Dasar Dadah Kebangsaan Negara. di dalamnya terdapatnya sistem pemulihan, namun sistem pemulihan yang dilaksanakan tidak begitu berkesan.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH